



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"ISTIQAMAH BERIBADAH SELEPAS RAMADAN BERLALU"

20 Mac 2026 / 30 Ramadan 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي فَرَضَ صِيَامَ رَمَضَانَ، وَأَنْزَلَ فِيهِ الْقُرْآنَ، وَجَعَلَ فِيهِ لَيْلَةَ الْقَدْرِ رَحْمَةً
لِلْأَكْوَانِ، نَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَنَشْكُرُهُ فِي كُلِّ زَمَانٍ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan mengerjakan setiap perintah serta menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya keikhlasan hati dalam beribadah menjadi ukuran kemuliaan dan ketakwaan seseorang insan. Mudah-mudahan Ramadan yang berlalu meninggalkan kesan tarbiah membentuk peribadi soleh. Mimbar mengajak ummah untuk menghayati khutbah bertajuk:

"ISTIQAMAH BERIBADAH SELEPAS RAMADAN BERLALU"

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَمُوا فَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿١٣﴾ أُولَٰئِكَ أَصْحَابُ
الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١٤﴾﴾

Maksudnya: Sesungguhnya orang yang berkata, "Tuhan kami ialah Allah." Kemudian, mereka tetap istiqamah (di atas jalan yang benar dengan pengakuan iman dan tauhidnya itu) maka tidak ada kebimbangan (daripada sesuatu yang tidak baik) terhadap mereka dan mereka tidak (pula) bersedih hati. Mereka itulah para penghuni syurga yang kekal di dalamnya sebagai balasan amalan soleh yang telah dilakukan mereka.

(Surah Al-Ahqaf ayat 13 dan 14)

¹ Memuji Allah SWT

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

Sayu hati ini meninggalkan Ramadan; bulan yang penuh keberkatan, rahmat dan keampunan. Jaminan yang dijanjikan seperti ganjaran pahala yang berlipat ganda dan kelebihan malam al-Qadar melebihi seribu bulan, menjadi semangat dan dorongan ummah menghidupkan ibadah. Berada dalam bulan Ramadan, ibarat berada dalam madrasah yang melatih dan mendidik diri meningkatkan kesempurnaan ibadah dan memperelok akhlak dengan sifat ikhlas, sabar, syukur, ilmu, amal dan sebagainya.

Istiqamah beribadah bermaksud ketaatan, keteguhan hati, dan tekad melakukan ibadah serta amal soleh secara berterusan. Ayat 13 dan 14 surah al-Ahqaf yang khatib bacakan, menjelaskan, bahawa janji sebagai ahli syurga akan dikurniakan kepada hamba-hamba yang memiliki keyakinan teguh terhadap Allah SWT dan bersungguh melakukan ibadah dengan ikhlas dan istiqamah. Ramadan telah membuka kesempatan untuk terus istiqamah kerana tingkat dan nilai ibadah sedang berada pada tahap terbaik.

Jemaah yang dimuliakan

Istiqamah memerlukan keteguhan hati serta kekuatan tekad. Sesungguhnya manusia sering kali dilingkungi dengan sifat-sifat lalai serta malas. Sifat-sifat tersebut menjadi penghalang untuk membolehkan kelangsungan melaksanakan ibadah yang terbaik. Istiqamah merupakan kunci kejayaan dan menjadi lambang usaha yang berterusan untuk memperoleh kejayaan. Beberapa cara dan pendekatan boleh dilakukan untuk terus istiqamah dalam beribadah, antaranya:

Pertama: Meneguhkan keyakinan dalam hati sebagai dorongan dan semangat bahawa sesiapa yang beriman dan bertakwa serta istiqamah dalam beribadah akan mendapat tempat di syurga.

Kedua: Menetapkan niat ikhlas dalam setiap ibadah; mengharapkan keredhaan Allah dan menjauhkan sifat mahu mendapat pujian dan sanjungan manusia.

Ketiga: Melakukan ibadah dan amalan yang soleh secara sederhana dan berterusan. Amalan secara melampau dan keterlaluan akan menyebabkan timbul rasa lelah, jemu dan terbeban, dan pada akhirnya tidak mampu untuk mengekalkannya.



Keempat: Menghadiri majlis ilmu sebagai peringatan, pengukuhan, dan penghayatan amalan agar hidup terus berlandaskan kebenaran.

Kelima: Mendampingi orang-orang baik agar kita dilingkari persekitaran yang sejahtera dan dipimpin ke arah kebaikan.

Jemaah Rahimakumullah

Nabi SAW telah mengingatkan umat tentang istiqamah melalui sabda baginda:

أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Maksud: Amalan yang paling dicintai oleh Allah SWT adalah yang berterusan (istiqamah) walaupun sedikit. (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim)

Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi peluang kepada kita sekali lagi berada dalam bulan yang barakah kerana Ramadan bukan sekadar memperelok amalan zahir, bahkan dapat membersihkan jiwa dengan sifat-sifat terpuji seperti syukur, pemaaf, jujur, saling membantu, menghubungkan silaturahim dan sebagainya. Bersyukur atas segala rezeki dan nikmat yang diperoleh serta bersederhana dalam semua perkara kerana itulah bukti amalan yang istiqamah dan dicintai oleh Allah SWT. Mimbar mengakhiri khutbah pada hari ini dengan nasihat berikut:

Pertama: Beristiqamah dengan ibadah yang telah diperoleh daripada latihan Ramadan seperti bangun awal pagi, menjaga solat berjemaah serta solat sunat, meneruskan puasa-puasa sunat, membaca dan bertadabur al-Quran serta berinfak di jalan Allah.

Kedua: Bertekad untuk terus berakhlak dengan adab-adab mulia menurut yang diperintahkan oleh Allah SWT; sentiasa bersihkan hati daripada sifat-sifat buruk yang dibenci oleh Allah SWT; semoga jiwa yang bersih akan menguatkan diri melakukan amalan soleh.

Ketiga: Sentiasa bermohon dan berdoa kepada Allah SWT agar ditetapkan hati beribadah secara istiqamah, dikurniakan taufik dan hidayah, serta dijauhkan daripada sifat malas dan lalai untuk mengerjakan ibadah.

Keempat: Bersyukur dengan apa sahaja pemberian orang kepada kita kerana sifat bersyukur merupakan salah satu tanda takwa.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Berkatilah kami yang telah berjaya sampai ke penghujung Ramadan. Terimalah segala ibadah kami. Bimbing kami untuk istiqamah dalam ketaatan sehingga ke akhir usia kami. Kurniakan kami kesempatan bertemu dengan Ramadan pada tahun hadapan.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikan harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi umat Islam di seluruh dunia yang sedang dizalimi serta ditindas oleh musuh-musuh Islam terutamanya umat Islam di Palestin dan Iran yang kini menjadi mangsa kezaliman rejim Zionis Israel, bersama Amerika Syarikat dan sekutu mereka; limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada hamba-hamba Mu di bumi Palestin dan Iran untuk dapat kembali hidup dalam suasana yang aman, selamat serta makmur.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikul Mulk! Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ ﴿فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ﴾.